



GARIS PANDUAN

KAEDAH PENJAJAAN SECARA MUDAH ALIH

**MAJLIS PERBANDARAN
SEBERANG PERAI
(Pindaan Mac 2016)**

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua pihak terutamanya para penjaja berkaitan aspek dan kaedah penjajaan mudah alih di seluruh kawasan Seberang Perai dengan mengambil kira keperluan peruntukan undang-undang, konsep perniagaan dan kesesuaian kawasan setempat untuk aktiviti penjajaan.

LATAR BELAKANG

Seberang Perai adalah salah satu bandar yang sedang berkembang maju. Seiring dengan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan hidup penduduk setempat, perniagaan secara kecil-kecilan adalah alternatif bagi penduduk untuk menjana ekonomi keluarga sekaligus dapat meningkatkan pendapatan bagi yang menjalankannya secara sampingan mahupun sebagai sumber mata pencarian utama.

Walaupun bagaimanapun, aktiviti penjajaan yang dijalankan secara tidak terkawal akan mendatangkan masalah-masalah kepada masyarakat setempat sekaligus dapat memberi imej yang kurang baik kepada Majlis khususnya dan Seberang Perai secara amnya. Antara masalah yang timbul adalah lokasi perniagaan yang berbahaya kepada pelanggan dan pengguna jalanraya, kegagalan pengurusan sampah yang sempurna, risiko keracunan makanan kepada pelanggan dan juga pembinaan gerai-gerai yang tidak sempurna/tidak terurus.

Keadaan ini berlaku akibat daripada ketiadaan Garis Panduan yang khusus untuk rujukan para penjaja dalam aktiviti perniagaan masing-masing dan kurangnya kesedaran terhadap kemungkinan implikasi yang mungkin timbul kesan daripada aktiviti tersebut terhadap golongan yang tidak berkepentingan.

JENIS-JENIS BARANG JUALAN YANG TIDAK DIBENARKAN

- Barang tiruan, cetak rompak, barangan berunsur lucah dan lain-lain barangan yang tidak dibenarkan.
- Barangan berbahaya seperti mempunyai unsur senjata dan mudah meletup.
- Lain-lain barang yang menyalahi peruntukan undang-undang semasa.

KONSEP PERNIAGAAN

- Konsep perniagaan adalah secara kaedah mudah alih sahaja.
- Konsep perniagaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

i) PENJAJA BERKENDERAAN

Kenderaan yang digunakan dalam aktiviti perniagaan adalah dari jenis berikut:

a) Lori 'Pick Up'

- 'Pick up' yang digunakan adalah dari jenis yang bersesuaian dan diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan
- Saiz – 4 roda dan saiz sehingga 1 tan

b) Motosikal

- Perlu memiliki lesen dan kelulusan pihak berkuasa berkaitan kenderaan yang digunakan
- Saiz yang bersesuaian

Aktiviti perniagaan yang dibenarkan bagi penjaja yang menggunakan kenderaan adalah seperti berikut:

a) Jenis Perniagaan

- Makanan Siap
- Makanan Belum Siap
- Bukan Makanan/pelbagai

b) Masa Perniagaan

- Kesuaian masa perniagaan bergantung kepada lokasi dan jenis perniagaan.

ii) PENJAJA TANPA KENDERAAN

- Penjaja tanpa kenderaan perlu menjalankan perniagaan di satu-satu tempat dengan kelulusan Majlis.
- Perlu memiliki alatan perniagaan yang seragam seperti penggunaan payung, meja dan kanopi.
- Jenis perniagaan yang dibenarkan adalah makanan siap, makanan belum siap dan pelbagai.
- MPSP akan memberi tempoh yang sesuai untuk penjaja menyediakan kanopi seragam

ZON PENJAJAAN

1. KAWASAN LARANGAN MENJAJA

Kawasan perniagaan serta lokasi yang tidak dibenarkan untuk sebarang aktiviti perniagaan di Seberang Perai adalah seperti berikut:-

- Kawasan yang mempunyai papan tanda “ZON LARANGAN MENJAJA”
- Dalam lingkungan 9 meter dari persimpangan jalan (Jabatan Pelesenan boleh mengkaji kesesuaian untuk menimbang jarak lingkungan kurang 9 meter)
- Dalam lingkungan 3.6 meter dari Pili Bomba
- Pasar Awam dan Komplek Makanan MPSP
- Di tepi tangga, kaki lima atau tempat lapangan awam yang berturap (Jabatan Pelesenan boleh membenarkan jualan tertentu di atas kakilima contohnya penjaja membaiki kasut dan seumpamanya). Walau bagaimanapun pertimbangan mengikut kesesuaian perlu dibuat supaya tidak mengganggu laluan kerusi roda dan orang kurang upaya (OKU).
- Mana-mana tempat letak kereta dan motosikal awam
- Kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, bangunan kerajaan, tempat-tempat awam
- Perhentian bas, stesen bas, dan tempat teksi
- Mana-mana kawasan yang dilarang oleh mana-mana Undang-undang dan Peraturan yang berkuatkuasa
- Jalan-jalan Protokol, Jalan Utama serta mana -mana kawasan yang boleh menimbulkan masalah gangguan kepada lalu lintas dan pejalan kaki seperti yang diputuskan oleh Pegawai Majlis.

2. KATEGORI ZON PENJAJAAN

Dibahagikan mengikut kategori dalam pengkelasan kebenaran tempat menjalankan penjajaan:

- i. **Kategori A : Dilarang Menjaja.**
- ii. **Kategori B : Dibenar Selepas Pertimbangan.**
- iii. **Kategori C : Dibenarkan Menjaja.**

KRITERIA KATEGORI A

Kawasan yang dilarang mengadakan aktiviti penjajaan:

- a) 9 meter dari semua persimpangan jalan.
- b) Di jalan persekutuan dan negeri yang mempunyai kelebaran bahu jalan kurang dari 2 meter.
- c) Di jalan yang tidak mempunyai ruang letak kereta di mana pelanggan berurusan akan meletak kereta di atas jalan.
- d) 40 meter dari kawasan pagar sekolah, klinik, balai bomba, balai polis, stesen minyak, TUDM dan lain-lain agensi yang memerlukan kelegaan lalulintas dari aspek keselamatan dan kecemasan.
- e) Kawasan larangan yang diwartakan dalam Jadual Pertama, Undang-undang Kecil Penjaja MPSP 1991.
- f) Kawasan kilang dan laluan kenderaan berat kecuali yang dibenarkan.
- g) Di jalan persekutuan dan negeri yang sibuk dan laluan utama.
- h) Apa-apa jenis penjajaan di atas jalanraya.

KRITERIA KATEGORI B

Kawasan yang boleh diberi kebenaran menjaja selepas sedikit pertimbangan/pengubahsuaian:

- a) Kawasan tempat letak kereta selepas waktu operasi.
- b) Jalan susur yang tidak digunakan
- c) Penjaja beroperasi di atas bahu jalan. (Kenderaan tidak dibenarkan meletak kereta atas jalan , ada tempat parking). Kesesuaian penjajaan di kawasan yang melibatkan Universal Design (UD) perlu dilihat di mana kawasan Universal Design (UD) adalah tidak dibenarkan untuk penjaja beroperasi di atas bahu jalan.
- d) Di jalan yang mempunyai jalan susur yang tidak sibuk, pelanggan berurusan akan meletak kereta di jalan susur.
- e) Menghadkan bilangan penjaja atau pada musim atau pada perayaan tertentu bagi memudahkan kawalan di tapak.
- f) Kebenaran penjaja bergantung kepada aspek masa (pagi atau malam di taman perumahan sahaja).
- g) Pelanggan tidak meletak kereta di atas jalan , tempat parking disediakan

KRITERIA KATEGORI C

Kawasan yang dibenarkan Menjaja:

- a) Tapak penjaja persendirian dan pelanggan tidak meletak kereta di atas jalan.
- b) Tapak yang dikhaskan pemaju atau MPSP.
- c) Kawasan yang belum sibuk dan tidak menimbulkan kesesakan.
- d) Pindaan bertulis pada struktur bahu jalan bagi menempatkan penjaja dan kenderaan pelanggan.
- e) Bawah *flyover* dan tidak mengganggu lalulintas jalanraya. (dengan kebenaran tuan tanah)
- f) Kawasan taman perumahan yang mempunyai jalan sehala 2 lorong.
- g) Jalan susur bukan rezab yang tidak digunakan.

SYARAT-SYARAT AM

- Hanya warganegara Malaysia sahaja dibenarkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan Seberang Perai.
- Pemegang lesen hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Penjaja MPSP 1991 dan segala arahan serta peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dari semasa ke semasa.
- Lesen/permit penjaja yang telah diluluskan perlu dipamer/dibawa semasa aktiviti perniagaan dijalankan.
- Penjaja perlu memastikan keadaan gerai/kereta tolak/kenderaan dan sebagainya berada dalam keadaan bersih, selamat dan sesuai digunakan.
- Penjaja tidak dibenar meninggalkan peralatan/perkakasan perniagaan selepas aktiviti perniagaan.
- Tidak dibenarkan meletakkan kenderaan di bahu jalan, lorong belakang premis atau mana-mana lokasi yang boleh menyebabkan halangan dan gangguan lalulintas, kerosakkan infra dan harta Majlis.
- Penjaja hanya dibenarkan menjalankan perniagaan di tapak yang diluluskan pihak Majlis sahaja.
- Penjaja perlu memberi kerjasama dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai dari semasa ke semasa.
- Hanya Warganegara Malaysia sahaja layak diberi lesen dan pembantu yang ingin dilantik juga mestilah daripada Warganegara Malaysia dan mendapat kebenaran Majlis.
- Dilarang menggunakan perkhidmatan pembantu jualan dari kalangan kanak-kanak.
- Penjajaan yang dijalankan adalah bersifat bungkusan atau *take away* bergantung kepada aktiviti penjajaan,
- Penggunaan kerusi/meja adalah bergantung kepada aktiviti perniagaan dan penilaian Majlis
- Caj pelupusan sampah boleh dikenakan mengikut keperluan Majlis.
- Penjaja tidak dibenarkan membuang sisa makanan dan bahan buangan ke dalam longkang atau mana-mana tempat awam lain.
- Penggunaan polisterin adalah dilarang dan tindakan penguatkuasaan boleh diambil.
- Kawasan yang melibatkan pembangunan secara Universal Design adalah tidak dibenarkan untuk sebarang aktiviti penjajaan.

SYARAT-SYARAT PELESENAN

PENGENDALI MAKANAN

- Setiap pengendali makanan wajib mendapatkan suntikan imunisasi tifoid dari mana-mana pengamal perubatan yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- Pengendali makanan perlu berada dalam keadaan yang sihat dan bebas daripada sebarang penyakit berjangkit.
- Setiap pengendali makanan wajib menghadiri kursus pengendalian makanan daripada mana-mana pusat yang diiktiraf dan perlu dikemukakan apabila dikehendaki pihak MPSP.
- Pengendali makanan yang terlibat perlu memastikan kebersihan diri, tempat berniaga dan kawasan sekitar berada dalam keadaan yang baik. Pemakaian apron, penutup kepala, berkasut dan pakaian yang bersih adalah diwajibkan.

Pengendali makanan adalah dilarang melakukan perkara-perkara seperti berikut semasa menyediakan makanan:-

- Merokok
- Meludah
- Batuk atau bersin berhampiran makanan
- Menggunakan pakaian untuk mengelap anggota badan dan peralatan perniagaan
- Menutup makanan dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh mencemarkan makanan seperti suratkhbar dan bekas yang tidak bersih
- Memakai barang kemas seperti cincin, gelang dan lain-lain perhiasan diri

PENJAJA STATIK

- Setiap individu yang menjalankan perniagaan secara penjajaan ditepi jalan perlu mendapatkan kelulusan MPSP sebelum memulakan sebarang perniagaan.
- Penjaja dilarang menjalankan perniagaan di kawasan larangan menjaja.
- Penjaja tidak dibenarkan membuat binaan kekal.
- Penjaja perlu menyediakan tong sampah yang sesuai, bertutup dan mencukupi di kawasan perniagaan masing-masing. Pengurusan sampah yang efektif amat dititikberatkan untuk mengelakkan kacauganggu haiwan/vektor dan lain-lain risiko kesan kesihatan.
- Sisa makanan perlu di masukkan ke dalam plastik sebelum di masukkan ke dalam tong sampah.
- Penjaja perlu memastikan tiada peralatan dan perkakasan perniagaan ditinggalkan di lokasi perniagaan. Kegagalan untuk pematuhan syarat boleh menyebabkan lesen ditarik balik secara serta merta.

PENJAJA BEREDAR

- Setiap individu yang menjalankan perniagaan secara penjajaan beredar perlu mendapatkan kelulusan MPSP sebelum memulakan sebarang perniagaan.
- Penjaja perlu menjalankan perniagaan dari satu tempat ke satu tempat dan tidak dibenarkan untuk berada di lokasi yang statik dalam jangkamasa yang lama (maksimum masa adalah 2 jam bagi satu-satu masa).
- Penjaja perlu menyediakan tong sampah yang sesuai, bertutup dan mencukupi bagi lokasi perniagaannya.
- Penjaja perlu menjaga kebersihan kenderaan dan persekitaran supaya sentiasa bersih.
- Penjaja perlu memastikan kenderaan di alihkan selepas selesai aktiviti perniagaan. Adalah diingatkan bahawa penjaja tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di kawasan larangan.
- Penjaja tidak dibenarkan meninggalkan sebarang peralatan perniagaan atau lain-lain perkakasan di lokasi perniagaan selepas aktiviti perniagaan dijalankan.

